

'Kuasa rakyat dunia boleh tewaskan Israel'

Pemuda Umno desak PBB arah Zionis henti serang Lubnan

Oleh Azman Zakaria, Anwar Hussin, Azman Mahmood dan Muzdalifah Mohd Mustapha

KUALA LUMPUR: Pemuda Barisan Nasional (BN), menuntut Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) segera meluluskan resolusi mendesak Israel menghentikan serangan dan keganasan terhadap Palestin dan Lubnan.

Timbalan Pengerusi Pemuda BN, Khairy Jamaluddin, berkata serangan dan kekejaman yang dilakukan Israel itu adalah pembunuhan yang kejam terhadap rakyat kedua-dua negara berkenaan.

"Saya percaya kuasa rakyat dunia boleh menewaskan Israel... kalau bukan senjata dan kalau bukan peluru, kita gunakan akal. Hasrat kita adalah untuk memastikan Palestin bebas dan Lubnan selamat.

"Kita desak Israel segera hentikan serangan tanpa syarat," katanya ke-

pada pemberita selepas menyerahkan memorandum bantahan Pemuda BN mengenai serangan Israel, di hadapan Kedutaan Besar Amerika Syarikat, di sini semalam.

Terdahulu beliau mengetuai perarakan kira-kira 5,000 ahli Pergerakan Pemuda BN dan rakyat pelbagai kaum dari masjid KLCC ke kedutaan berkenaan, bagi menyuarakan bantahan terhadap tindakan rejim Zionis itu mencerooboh Palestin dan Lubnan.

Khairy yang juga Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno berkata, beliau yang dibenarkan memasuki kedutaan itu bersama tiga anggota Exco Pemuda Umno, hanya dibawa menemui seorang pegawai rendah kedutaan yang tidak memberi sebarang reaksi selepas memorandum diserahkan.

"Beliau terima saja dan saya katakan padanya 'sekutu kamu Israel negara pengganas dan perlu dibawa ke muka pengadilan'," katanya.

Khairy berkata, jika sebelum ini

ada pihak memberi istilah pengganas kepada orang Islam, Pemuda Malaysia menganggap Israel sebagai pengganas dan Amerika Syarikat sekutu pengganas.

Beliau berkata, Pemuda BN meminta negara yang mempunyai hubungan diplomatik dan ekonomi dengan Israel untuk memutuskannya manakala syarikat di negara ini yang mempunyai hubungan dengan negara itu juga berbuat demikian.

FAKTA NOMBOR

Perarakan Pemuda BN

5,000

Menyertai perarakan

5

Pejabat kedutaan terima memorandum

"Kita harap seluruh dunia bangkit dan Malaysia sebagai pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) serta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memberi tekanan kepada Majlis Keselamatan PBB untuk menghentikan pembunuhan oleh Israel.

"Punca masalah yang wujud adalah kerana rakyat Palestin dinafikan hak dan kedaulatan di negara sendiri," katanya yang kemudian berucap kira-kira lima minit sebelum berarak pula ke pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain dan Kedutaan Besar Perancis, di sini.

Ketika ditemui pemberita selepas menyerahkan memorandum di Kedutaan Perancis, Khairy berkata, beliau tidak dibawa menemui sesiapa ketika di dalam pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain dan hanya meletakkan memorandum itu di atas meja, manakala seorang pegawai tinggi kedutaan Perancis menerima memorandum berkenaan.